

Galakan bagi majukan pelancongan

BH 19 JUL 1985

KERAJAAN bercadang membenarkan pelabur-pelabur asing membeli rumah-rumah percutian di negara ini dalam usahanya mempercepatkan kemajuan industri pelancongan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata usaha itu dijangka menghadapi pelbagai masalah, terutama berhubung pembelian tanah dan bangunan, tetapi kerajaan akan berusaha memudahkannya.

Menurut beliau, pelabur-pelabur asing sukar mendapatkan pelbagai kemudahan itu tetapi disebabkan kerajaan memberi perhatian bersungguh-sungguh untuk memajukan industri pelancongan, segala-galanya akan cuba dilaksanakan.

Perdana Menteri yakin pembelian rumah-rumah percutian oleh rakyat asing akan mendorong pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan meningkatkan prestasi mereka.

Cara ini juga akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha berkenaan mendapatkan pasaran asing dan membantu kerajaan memperoleh lebih banyak pertukaran asing, tegasnya ketika merasmikan projek Perbadanan Pelancongan Pangkor Laut dekat sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, industri pelancongan adalah antara sumber paling cepat mendatangkan

LUMUT, Khamis

pertukaran asing berbanding sektor pembuatan.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat menyertai industri itu, terutama yang tidak berkeupayaan dan berpengalaman, agar tidak tergesa-gesa menyertainya.

Perdana Menteri berkata setakat ini, rakyat

Malaysia hidup di paras yang kurang memuaskan. "Taraf hidup kita masih rendah dan tidak setanding dengan negara-negara membangun yang lain," tegasnya.

Menurutnya, pendapatan per kapita rakyat Malaysia ialah 1/5 berbanding negara-negara membangun. Negara-negara itu mempunyai pendapatan per kapita AS\$8,000 hingga AS\$10,000 manakala Malaysia cuma di paras AS\$2,000.

"Kita perlu bekerja lebih keras untuk meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan per kapita seharusnya bertambah 50 peratus jika ingin setanding dengan negara-negara membangun," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata semua rakyat mahukan pelbagai kemudahan asas tetapi kerajaan tidak

mampu melaksanakan semuanya dan untuk mendapatkan sumber kewangan yang cukup, rakyat perlu bekerja keras supaya kerajaan dapat melaksanakan apa yang mereka hajati.

Beliau juga berharap rakyat membayar cukai-cukai yang ditentukan kerana "cukai yang dibayar akhirnya akan dipulangkan juga dalam bentuk pemberian kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

"Kita mesti berbangga menjadi rakyat yang bertanggungjawab," tegasnya.

Beliau kemudian melawat sekitar kompleks pelancongan itu. Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Besar Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan isterinya, Datin Seri Raja Noor Ashikin Raja Abdullah, dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Mohamad Nurzid Mohamad Wali.